



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan  
Dan Terbitan Luar Negeri**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

## KANDUNGAN

<b>PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN.....</b>	<b>2</b>
<b>PK 7.5 Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negeri .....</b>	<b>2</b>
<b>1. Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negeri.....</b>	<b>2</b>

## PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN

### PK 7.5 Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negeri

#### 1. Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negeri

- 1.1 Perolehan bagi bekalan dan penghantaran buku terbitan dan cetakan luar negeri boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan (Bahan Bacaan Terbitan Luar Negeri).
- 1.2 Agensi hendaklah membuat kajian pasaran terlebih dahulu mengenai judul tajuk, bidang dan penerbitan supaya harga tawaran adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan sebelum pembelian dibuat. Di samping itu, Agensi hendaklah memastikan perolehan tidak tertumpu pada syarikat/pembekal tertentu selaras dengan prinsip-prinsip perolehan.
- 1.3 Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan Syarikat yang keahliannya terdiri daripada tiga (3) orang yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan. Jawatankuasa Pemilihan Syarikat bertanggungjawab menganalisis dan membuat rundingan ke atas tawaran syarikat berdasarkan kadar diskaun ke paras terendah dan menguntungkan Kerajaan untuk diperakukan kepada kuasa melulus seperti berikut:

Bil.	Had Nilai Perolehan (Bagi Setiap Pembelian)	Kuasa Melulus
1.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan selain daripada Jawatankuasa Pemilih Syarikat
2.	Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500 ribu sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan Agensi
4.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

- 1.4 Agensi juga adalah dibenarkan membuat pembelian terus secara atas talian (*online*) dengan penerbit buku luar negeri bagi perolehan buku sama ada secara *eBook* (muat turun) atau pesanan secara atas talian dengan mana-mana syarikat bagi mendapatkan *hard copy* dengan nilai tidak melebihi RM500,000 bagi setiap pembelian. Pembelian secara atas talian termasuk pemilihan judul buku dan penerbit hendaklah mematuhi peraturan di perenggan 1.2 di atas dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Syarikat untuk kelulusan kuasa melulus berdasarkan had nilai perolehan yang ditetapkan di perenggan 1.3 di atas.
- 1.5 Harga yang ditawarkan oleh syarikat adalah harga bersih (termasuk kos pembungkusan dan penghantaran) dan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (kecuali pembelian atas talian).
- 1.6 Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi semua peraturan perolehan berkaitan dalam menguruskan perolehan ini.